

**03/09/2016 - Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai Imigresen Gred KP19 Siri  
2/2016**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Dato' Haji Mat Ali bin Hassan**

Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**Yang Berbahagia Dato' Sri Alwi bin Haji Ibrahim**

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

**Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Mustafar bin Ali**

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia

Yang Berbahagia Dato'-Dato',

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

Setiausaha-Setiausaha Bahagian Kementerian Dalam Negeri

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Imigresen

Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri Jabatan Imigresen Malaysia

Warga Jabatan Imigresen Malaysia dan seterusnya Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati  
sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua maka kita dapat berkumpul di Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai Imigresen Gred KP19 Siri 2/2016.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia yang telah merencana dan mengatur majlis ini dengan baik, bagi membolehkan saya menyampaikan hasrat dan harapan secara langsung kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
3. Sebagai pembuka bicara, saya ingin mengucapkan tahniah dan selamat datang ke Jabatan Imigresen Malaysia kepada semua Pegawai Imigresen lantikan baru bagi siri 2/2016 ini. Saya dimaklumkan semuanya berjumlah 200 orang pegawai.
4. Seperti mana kita sedia maklum, Kursus Asas Pegawai Imigresen Gred KP19 Siri 2/2016 ini diadakan adalah bertujuan untuk membangunkan Pegawai Imigresen yang cemerlang pada masa hadapan. Selaras dengan aspirasi "Ke arah Perkhidmatan Cemerlang", saya dimaklumkan bahawa kursus ini telah dilengkapi dengan pelbagai modul di dalam dan luar akademi, bertujuan untuk melahirkan Pegawai Imigresen yang berwibawa dan mampu menjana prestasi serta produktiviti yang tinggi melalui amalan budaya kerja cemerlang.
5. Kursus yang dilaksanakan ini juga adalah merupakan kursus wajib bersama-sama dengan Program Transformasi Minda yang harus dilalui oleh setiap Pegawai Imigresen yang baru dilantik. Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah bagi membentuk Pegawai Imigresen yang sentiasa peka kepada kehendak *stakeholders* dan pelanggan. Sesungguhnya, seorang Pegawai Imigresen yang cemerlang seharusnya memiliki nilai-nilai kemanusiaan yang kukuh, berhemah tinggi, berbudaya dan berdisiplin serta mengamalkan kerjasama berpasukan yang berkesan.

#### **INTEGRITI ASAS KEPADA SISTEM TADBIR URUS KERAJAAN YANG BAIK**

Hadirin yang dihormati sekalian

6. *'Business is not as usual'* merupakan komitmen Kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan awam yang turut meliputi agensi-agensi keselamatan negara termasuk Jabatan Imigresen Malaysia. Seiring the **Program Transformasi Nasional, Kerajaan menginginkan sektor perkhidmatan awam yang dinamik** yang mampu memenuhi ekspektasi rakyat yang kian meningkat.

7. Dalam hubungan ini, transformasi yang dimaksudkan bukan sahaja meliputi penyampaian perkhidmatan, tetapi merangkumi memperkasakan sistem tadbir urus. Integriti merupakan asas kepada sistem tadbir urus kerajaan yang baik. Pencapaian kita di dalam **Global Corruption Index (GCI)** menunjukkan peningkatan daripada skor **4.9 pada tahun 2014 kepada 5.0 pada tahun 2015**. Berdasarkan kepada perkembangan positif tersebut, kita hendaklah memperhebatkan lagi usaha-usaha memerangi gejala rasuah supaya dapat menghapuskan persepsi negatif yang boleh menjejaskan imej negara dan perkhidmatan awam. Membanteras rasuah dan menyuburkan budaya kerja penuh integriti adalah kewajipan kita bersama.

### **PROFESIONALISME DALAM MENJALANKAN TUGAS**

8. Dalam menghadapi cabaran masa kini, **seseorang Pegawai Imigresen perlu sentiasa bersedia memikul tugas yang diberikan dengan berbekalkan ilmu pengetahuan, pengalaman dan pendedahan sewajarnya**. Ini kerana rakyat masa kini lebih berpengetahuan dan arif dalam aspek perundangan dan hak mereka dalam berurusan dengan jabatan dan agensi kerajaan. Sebagai **seorang penjawat awam**, kita **perlu bersikap profesional** dalam menjalankan tugas berlandaskan peruntukan undang-undang dan peraturan. Ini untuk mengelakkan tuduhan atau aduan terhadap penyalahgunaan kuasa atau kedudukan kita sebagai penjawat awam, disamping dapat meningkatkan imej jabatan di mata masyarakat.

### **STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN**

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. **Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau singkatannya NBOS** (National Blue Ocean Strategy) merupakan satu pendekatan yang digunakan Kerajaan untuk mempertingkatkan keberkesanan dasar kerajaan. Melalui pendekatan NBOS, **dasar-dasar Kerajaan telah berjaya diterjemahkan dalam bentuk program yang berimpak tinggi kepada rakyat, yang dilaksanakan secara pantas dan berkos rendah.** Bagi sektor perkhidmatan awam, faedah yang paling ketara adalah **mengikiskan budaya kerja secara silo atau kerja secara berasingan.** Program-program NBOS yang dilaksanakan melibatkan **kerjasama 2 atau lebih agensi kerajaan yang berlainan kementerian.** Sebagai contoh, Pusat Transformasi Bandar atau Urban Transformation Centre (UTC) merupakan salah satu inisiatif NBOS yang telah membuktikan bahawa penjawat awam pelbagai kementerian dan agensi mampu bekerja dibawah satu bumbung.

10. Oleh yang demikian, Jabatan Imigresen mungkin boleh menggunakan pendekatan NBOS dalam **memikirkan cara untuk mempertingkatkan keberkesanan fungsi imigresen menerusi kerjasama dengan agensi-agensi lain.** Hasilnya nanti, Jabatan Imigresen berkemungkinan menjadi agensi imigresen pertama di dunia yang **berjayamelaksanakan tugas atau menyampaikan perkhidmatan di luar norma kerja konvensional.**

#### **KEBAJIKAN PEGAWAI IMIGRESEN DIBERIKAN PERHATIAN**

11. Saya percaya bahawa kebajikan pegawai-pegawai awam termasuk pegawai imigresen perlu diberi perhatian sewajarnya. Apabila kebajikan pegawai terjaga, ini secara langsung akan membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang.

12. **Untuk makluman, Kerajaan telah pun meluluskan Bayaran Insentif Penguatkuasa sebanyak RM200.00 kepada Penguasa Imigresen, Penolong Penguasa Imigresen dan Pegawai imigresen gred 54 dan ke bawah yang menjalankan tugas penguatkuasaan di lapangan dan depot imigresen.** Pemberian insentif ini merupakan keputusan Kerajaan dalam memenuhi tuntutan kesatuan imigresen agar pegawai-pegawai imigresen diperuntukkan bayaran insentif penguatkuasa seperti mana yang dinikmati oleh beberapa agensi penguatkuasaan yang lain.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyarankan supaya **Kementerian Dalam Negeri menyegerakan pembayaran** insentif berkenaan kepada para pegawai imigresen yang layak.

13. Melalui bajet 2016 di bawah Keselamatan dan Ketenteraman Awam Dalam Negeri, Jabatan Imigresen juga telah diperuntukkan sebanyak **RM36 juta bagi membina pejabat, kuarters dan menaiktaraf Depot Tahanan Imigresen** di seluruh negara. Peruntukan ini juga menunjukkan bahawa pihak Kerajaan sentiasa menitikberatkan keupayaan Jabatan Imigresen dalam menjalankan tugas dalam mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan negara.

***YBhg. Dato-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.***

14. Sebagai menghargai usaha para pegawai imigresen dan bagi menambahbaik laluan kerjaya pegawai imigresen, saya telah berbincang dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan bersetuju supaya **jawatan Pengarah Imigresen Negeri turut boleh disandang oleh pegawai imigresen yang berkelayakan.**

## **PENUTUP**

15. Dengan perancangan yang rapi serta teliti, dan pelaksanaan yang berkesan, saya yakin dan percaya bahawa fajar kejayaan akan sentiasa menyinari Jabatan Imigresen Malaysia yang kita sayangi ini.

16. Marilah kita tanyakan diri kita apakah yang mampu kita lakukan untuk menentukan apa yang kita impikan, kita mampu mencapainya. Tidak ada istilah sumbangan kecil atau besar, yang ada hanyalah kesanggupan kita untuk melakukan sesuatu yang terbaik demi agama, bangsa dan negara.

17. Akhir sekali, izinkan saya mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan untuk terus melaksanakan tugas dengan jujur, amanah, penuh dedikasi dan tanggungjawab. Mudah-

mudahan Jabatan Imigresen Malaysia akan meneruskan kecemerlangannya dengan sokongan anda semua.

18. Dengan lafaz *Bismillahir rahmanir rahim*, saya dengan rasminya menutup Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Transformasi Minda (PTM) dan Kursus Asas Pegawai Imigresen Gred KP19 Siri 2/2016 ini dengan jayanya.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office**

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2082>